

Sindiket di Myanmar paksa saya jadi *love scammer* - Mangsa

KUALA LUMPUR - Dua remaja lelaki berusia 14 dan 15 tahun selamat pulang ke Malaysia selepas dibebaskan oleh sindiket pemerdagangan manusia di Myanmar.

Dua remaja yang berasal dari Bera, Pahang itu tiba di Malaysia pada Jumaat selepas pelbagai urusan dokumentasi berjaya diselesaikan.

Dua mangsa itu dibebaskan oleh sindiket berkenaan pada 2 April lalu selepas keluarga mereka membayar wang tebusan RM10,000.

Remaja berusia 15 tahun itu berkongsi pengalaman pahitnya apabila terpedaya dengan helah sindiket terbabit.

"Pada awalnya saya tertarik dengan iklan pekerjaan di Facebook dan Instagram yang menawarkan kerja sebagai khidmat pelanggan dengan gaji RM5,000 hingga RM7,000.

"Saya bersama rakan pergi ke Myanmar pada 22 Mac, sebelum ditahan oleh sindiket tersebut di sana," katanya pada

sidang akhbar bersama Pengerusi Biro Perkhidmatan Awam dan Aduan MCA, Datuk Seri Michael Chong pada Sabtu.

Remaja itu berkata, dia hanya menyedari ditipu apabila dipaksa bekerja sebagai *love scammer*.


"Sindiket itu memberi saya satu buku mengenai cara-cara untuk memperdaya mangsa yang merupakan warga China di luar negara.

"Saya dipaksa bekerja 12 jam bermula pada jam 12 tengah malam setiap hari dan hanya diberi kira-kira RM900 sebagai elaun makanan," katanya.

Remaja itu mendakwa sindiket yang bersenjata itu turut mengawal lokasi mereka bekerja.

"Terdapat ramai termasuk rakyat Malaysia di lokasi itu, malah saya turut melihat ada yang didera sekiranya mereka gagal menjalankan tugas," ujarinya.

Mangsa berkata, dia hanya sempat bekerja selama seminggu, sebelum merayu dengan sindiket terbabit untuk melepaskan dirinya.



Michael Chong (kanan) bersama dua remaja lelaki yang jadi mangsa sindiket *Love Scam* di Myanmar.

"Akhirnya, keluarga saya dan rakan membayar wang RM10,000 kepada sindiket itu untuk mereka melepaskan kami berdua," katanya.

Sementara itu, Chong memberitahu, pada awalnya sindiket meminta RM198,951 daripada

keluarga dua remaja itu, namun selepas beberapa rundingan melalui telefon, mereka bersetuju melepaskan kedua-duanya dengan bayaran RM10,000.

"Remaja itu juga dibebaskan susulan tekanan daripada media tempatan yang melaporkan me-

ngenai isu pemerdagangan manusia," katanya.

Menurut Chong, seorang ahli perniagaan di Thailand turut membantu menguruskan penginapan dua remaja itu di Mae Sot, Thailand selepas mereka dibebaskan oleh sindiket.